

RAZALEIGH: TINDAKAN ATAS 'MUSANG' TAK KEJAM

KOTA BHARU, Ahad — Tengku Razaleigh Hamzah berkata, langkah Kerajaan Barisan Nasional Kelantan menyusun semula jentera kerajaan negeri ini dan mengambil tindakan tertentu ke atas setengah pegawai dan kakitangan kerajaan yang "bermuka dua dan musang berbulu ayam" bukanlah satu tindakan yang kejam.

Pengerusi BN Kelantan itu menegaskan, perbuatan yang kejam dan zalim ialah tindak tanduk para pemimpin dan orang-orang PAS yang mengeluarkan fatwa bahawa "orang-orang UMNO adalah kafir dan najis".

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri menjelaskan, kerajaan BN negeri bertindak demikian untuk membersihkan jentera-jentera kerajaan dari orang-orang yang selama ini menjadi "pengacau dan penghalang" kepada usaha-usaha baik kerajaan untuk membangunkan negeri dan rakyat Kelantan.

Berucap dihadapan kira-kira 2,000 orang dalam majlis kesyukuran di Pekan Salor, 13 kilometer dari sini malam tadi beliau berkata, "tindakan yang kita ambil itu bukanlah kita bersikap kuku besi dan kejam seperti tuduhan setengah pihak."

Menurut Tengku Razaleigh, beliau telah lama menyedari terdapatnya setengah pegawai dan kakitangan kerajaan negeri ini yang membantu parti lawan dalam pilihanraya umum lalu, kerana mereka yakin parti itu akan berkuasa semula di Kelantan.

"Tetapi selepas keputusan pilihanraya lalu diumumkan, mereka yang bermuka dua dan musang berbulu ayam itu datang menemui saya, kononnya merekalah penyokong kuat BN."

"Kali ini saya tidak mudah terpengaruh dengan tipu helah mereka itu, kerana selepas pilihanraya umum tahun 1978 lalu, mereka juga berbuat demikian," tambah beliau.

Menteri Kewangan itu berkata lagi, empat tahun lebih kerajaan BN memerintah Kelantan telah cukup dengan berbagai pengalaman pahit manis.

"Dalam tempoh itu kita kerja bersungguh-sungguh membuat berbagai projek pembangunan lahiriah dan keagamaan dan mencurahkan ribuan juta ringgit untuk memajukan negeri ini, tetapi bila menghadapi rakyat dalam pilihanraya kita masih mengalami keadaan yang teruk dan ini mesti ada salah silapnya," ujar beliau.

Katanya lagi, "Kita kena periksa semula jentera-jentera yang ada dari atas hingga ke bawah, kita tidak boleh lagi membiarkan keadaan ini berterusan demi kepentingan Barisan Nasional dan rakyat Kelantan seluruhnya."

Beliau menegaskan, pegawai-pegawai kerajaan mestilah menyokong dan mempertahankan dasar-dasar kerajaan.

Di peringkat kawasan dan kampung pula, Tengku Razaleigh mahukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) menjadi "pengintip" kepada kerajaan.

Katanya, para penghulu dan para mubaligh boleh memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat-maklumat balas kepada kerajaan.